

BAB 1 : PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Perkara 152 *Perlembagaan Malaysia* memperuntukkan bahawa Bahasa Malaysia adalah Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi. Kandungan lengkap Perkara 152 *Perlembagaan* adalah seperti berikut :

Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh Parlimen. (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1982 : 15)

Bagi melaksanakan dasar Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan satu peraturan, iaitu *Peraturan-Peraturan (Kursus-Kursus Pengajian) Sekolah 1956*. Peraturan ini mewajibkan pengajaran Bahasa Kebangsaan di semua peringkat dan jenis sekolah. Ekoran itu, kepentingan kedudukan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dan juga sebagai satu mata pelajaran diperkuatkan lagi dalam sistem peperiksaan dengan menjadikan kelulusan dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia sebagai syarat untuk mendapatkan sijil. (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1982 : 90)

Bahasa Melayu mula diajar kepada pelajar yang mula menjejakkan kaki ke alam persekolahan melalui pendidikan formal hinggalah ke sekolah

menengah dan institusi pengajian tinggi. Umumnya, pengajaran bahasa mementingkan empat jenis kemahiran utama, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Dalam keempat-empat kemahiran bahasa ini, didapati kemahiran menulishlah yang paling kompleks dan sukar dikuasai. Namun didapati matlamat akhir Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu baik untuk sekolah rendah mahupun sekolah menengah amat menitikberatkan kebolehan pelajar dalam menghasilkan karangan. Ini kerana kemahiran menulis dianggap sebagai kemahiran yang paling penting yang perlu diajar dalam mana-mana sistem pendidikan. Menulis karangan adalah teknik pengujian yang paling kerap digunakan bagi menguji kemahiran penulisan pelajar-pelajar, terutamanya di peringkat persekolahan menengah. (Abdul Aziz, 1985 : 696) Selaras dengan pendapat di atas, Anneli Vahapassi (1988:25) menyatakan :

Written language has always played a dominant role in formal education. Typically the acquisition of literacy is considered to be one of the most important tasks of the school, not only as a vehicle of learning, but as means of achieving their goals as well.

Walaupun sukatan pelajaran Bahasa Melayu untuk tingkatan enam telah diubah pada tahun 1991, tetapi aspek karangan masih diberikan penekanan utama dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Ini kerana aspek karangan menyumbang separuh daripada jumlah markah untuk kertas Bahasa Melayu II mengikut sukatan baru ini. Sukatan baru Bahasa Melayu telah diperkenalkan kepada pelajar-pelajar tingkatan enam rendah mulai tahun 1991 dan pelajar-pelajar inilah merupakan golongan perintis yang

menduduki peperiksaan STPM berdasarkan sukatan baru ini pada tahun 1992. Mata pelajaran Bahasa Melayu ini terdiri daripada dua kertas, iaitu Kertas 1 yang terdiri daripada 60 soalan objektif aneka pilihan dan Kertas 2 yang terdiri daripada soalan karangan, merumus karangan dan alih bahasa. Dengan ini, Azamuddin (1991) berharap sukatan pelajaran Bahasa Melayu ini dapat mencapai tujuannya untuk memperbaiki kebolehan berbahasa generasi yang akan datang berdasarkan bentuk pengujian yang sedemikian.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Kemahiran dan penguasaan bahasa adalah amat penting untuk seseorang individu kerana ia akan menjadi penentu utama kepada kemajuan dan kejayaan baik dari segi melanjutkan pelajaran mahupun menghadapi dunia pekerjaan. Farid (1987:1) bersetuju dengan kenyataan di atas dengan mengatakan bahawa kemahiran dan penguasaan bahasa yang setaraf dengan kelulusan akademik seseorang itu perlu untuk memungkinkan seseorang itu mengutarakan idea secara berkesan, tepat dan jelas.

Walaupun kemahiran dan penguasaan bahasa meliputi aspek penulisan, namun didapati sesetengah pelajar yang sedang menuntut dan yang bekerja kurang berkemampuan melahirkan idea mereka dalam bentuk penulisan. Keadaan ini dipaparkan dalam jurnal-jurnal pendidikan dan media massa yang penuh dengan kritikan tentang masalah penulisan, seperti yang dikemukakan oleh Monkarsh (1985: ii). Kritikan terhadap aspek penulisan dilahirkan dalam akhbar *News Straits Times* (27 Ogos, 1990), khususnya tentang ketidakcekapan golongan mahasiswa di peringkat universiti dalam

menghuraikan sesuatu idea secara jelas dalam bahasa Malaysia, khasnya dalam bentuk penulisan.

Oleh itu, tidak hairanlah jika kita mendengar rungutan dan kritikan daripada pihak majikan tentang ketidakmampuan lepasan sekolah hari ini dalam menguasai kemahiran penulisan. Selanjutnya, Arnold (1963 : 8) menyatakan bahawa tidak sukar untuk mendapatkan bukti tentang keperluan meningkatkan mutu penulisan. Ini kerana mengikutnya, majikan sanggup memberi bukti-bukti tentang ketidakcekapan setiausaha dan pegawai pemasaran dari segi menulis surat-surat dan laporan-laporan.

Keperluan untuk meningkatkan mutu penulisan ini timbul kerana ketidakcekapan lepasan sekolah dan pelajar sekolah dalam aspek penulisan. Keperluan ini juga ditunjukkan dalam hasil penyelidikan oleh Mersand (1961) yang mendapati kelemahan dalam ketidakcekapan menulis telah menyebabkan :

... business executives, civil service, administrators, college personnel, education editors, members of the legal profession, magazine editors, and newspaper editors making their strongest recommendation for improvement in the area of written composition.

Aspek penulisan perlu diperbaiki memandangkan pekerja yang berpendidikan kolej sendiri mengakui bahawa mereka menghadapi masalah dalam aspek penulisan. Ini dapat dilihat dalam laporan Odell (1985 : 63) mengenai kajian Faighley (1981) yang meminta 200 orang pekerja yang berpendidikan peringkat kolej untuk menyatakan pandangan mereka terhadap aspek penulisan. Hasil kajian Faighley mendapati 51 peratus pekerja menyatakan bahawa penulisan merupakan satu masalah kepada mereka sementara 27 peratus pekerja lagi melaporkan penulisan merupakan satu masalah yang serius bagi mereka. Hanya segolongan minoriti pekerja (22%) melaporkan bahawa penulisan bukan merupakan satu masalah kepada mereka.

Selanjutnya, Stine dan Skarzenski (1979) pula meminta 83 eksekutif daripada pelbagai jenis perniagaan di Iowa untuk menyatakan jenis masalah penulisan yang kerap dihadapi oleh mereka. Dapatan kajian mereka adalah seperti berikut:

The respondents indicated that the problems they see most often are (in order) : wordiness, grammar, sentence structure, spelling, clarity and organization.

Berdasarkan masalah yang dihadapi, Odell (1985 : 71) telah mengemukakan saranan pekerja agar variasi kemahiran menulis diajar dalam program penulisan di kolej. Kemahiran-kemahiran penulisan yang disarankan adalah keperluan untuk menulis secara jelas, padat dan bernas, mengorganisasi bahan yang ditulis dengan baik serta menulis dengan menggunakan bahasa yang baik.

Kritikan daripada pihak majikan terhadap ketidakmampuan pekerjaanya dari segi kebolehan penghasilan penulisan dan pengakuan pekerja sendiri tentang ketidakmampuan mereka menyebabkan masyarakat merenung tentang tahap kebolehan pelajar dari segi penulisan. Mengikut Abdul Rahman (1979 : 2) :

... agak tidak ketara suatu hakikat yang benar wujud di sekolah-sekolah bahawa ramai di antara anak-anak kita yang tamat atau hampir tamat sekolah rendah (darjah 5 dan 6) dan akan melangkah masuk ke sekolah menengah tidak atau belum menguasai kebolehan asas menulis sepatutnya. Ini saya maksudkan, mereka setelah lima atau enam tahun dari sekolah rendah masih belum boleh membentuk dan menyambung huruf-huruf dengan sempurna bagi menulis suku-suku kata dan perkataan-perkataan, belum menguasai sistem ejaan dan belum boleh menulis ayat-ayat mudah dengan sempurna, yang sepatutnya telah dikuasai mereka sejak darjah tiga atau empat, apa lagi kalau hendak disuruh untuk menulis sebuah karangan yang sesuai dengan peringkat mereka.

Sebenarnya, bukan sahaja pelajar sekolah rendah yang akan melangkah masuk ke sekolah menengah menghadapi masalah untuk menghasilkan sebuah karangan yang sesuai dengan peringkat persekolahan mereka, malah lebih menyedihkan lagi apabila sesetengah lulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia yang telah melalui sistem persekolahan menengah di negara kita juga tidak berupaya menghasilkan penulisan karangan yang baik selepas menerima pendidikan bahasa tidak kurang daripada 12 hingga 13 tahun. Sepatutnya, jangka masa yang begitu panjang sudah memadai untuk membolehkan mereka menguasai kemahiran penulisan.

Ketidakupayaan para pelajar ini juga seringkali dikritik oleh pemeriksa-pemeriksa yang menanda karangan bahasa baik pada peringkat Sijil Rendah Pelajaran (S.R.P.) atau Penilaian Menengah Rendah (P.M.R.), ataupun peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (S.P.M.). Mengikut Awang (1991), karangan calon peperiksaan peringkat pengajian tinggi (S.T.P.M.) tidak dikarang atau digubah menurut yang sewajarnya. Ini mengakibatkan banyak karangan mereka masih jauh daripada konsep binaan wacana yang utuh. Walaupun memang ada yang baik tetapi yang menjadi persoalan ialah keseriusan kelemahan pelajar dalam penulisan karangan yang tampaknya tidak banyak berubah dari tahun ke tahun.

Baker (1972 : 53) menyatakan bahawa salah satu kritikan biasa daripada pihak pemeriksa adalah kebanyakan perenggan pendahuluan yang dihasilkan oleh pelajar tidak mempunyai perkaitan dengan tajuk karangan. Ini kerana pelajar didapati telah memasukkan semua maklumat yang diketahui oleh mereka tanpa mempertimbangkan kesesuaiannya seolah-olah, pelajar telah

mempelajarinya secara hafalan. Oleh itu, karangan yang dihasilkan oleh pelajar tidak menepati konsep binaan wacana yang utuh.

Pandangan-pandangan yang dilahirkan ini dapat dibuktikan melalui *Laporan Peperiksaan S.T.P.M. 1992* yang menunjukkan bahawa mutu penulisan calon S.T.P.M. amat mendukacitakan dalam kertas Bahasa Melayu. Walaupun terdapat peningkatan peratusan calon yang lulus penuh tetapi jika dianalisis secara terperinci, didapati hanya 55.79 peratus calon yang lulus dalam kertas Bahasa Melayu II ini dengan hanya 4.4 peratus daripada jumlah calon mendapat gred A ; 18.15 peratus mendapat gred B dan C ; 32.02 peratus mendapat gred D dan E ; 16.77 peratus mendapat gred R ; dan 28.76 peratus gagal dalam kertas ini. Laporan peperiksaan jelas membayangkan satu keadaan yang amat membimbangkan kerana hanya lebih kurang 10 peratus daripada jumlah 38,179 calon S.T.P.M. yang berupaya mendapat keputusan cemerlang, iaitu gred A dan B untuk kertas Bahasa Melayu II. Ini bermakna yang baki, iaitu lebih kurang 90 peratus calon didapati kurang mampu menghasilkan mutu penulisan yang cemerlang kerana lebih daripada 60 peratus calon hanya mampu mendapat gred C ke bawah dengan hampir 30 peratus calon gagal dalam kertas ini.

Laporan Peperiksaan STPM 1993 yang baru diterbitkan juga menunjukkan majoriti calon (91.4 peratus) yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu peringkat S.T.P.M. pada tahun itu hanya berupaya mendapat Gred C (11.84 peratus), Gred D (20.49 peratus), gred E (18.66 peratus) dengan 11.89 peratus pelajar yang gagal dalam mata pelajaran tersebut. Jika diteliti keputusan laporan peperiksaan STPM tahun demi tahun, didapati hanya segolongan kecil pelajar sahaja yang berupaya mendapat keputusan yang baik

dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dengan mendapat Gred A dan Gred B. Maka, laporan peperiksaan untuk keputusan peperiksaan S.T.P.M. untuk Bahasa Melayu juga tidak berkecuali, iaitu tidak sampai 10 peratus pelajar yang berjaya mendapat Gred A (2.8 peratus) dan Gred B (5.8 peratus) dalam kertas Bahasa Melayu tersebut.

Antara aspek kelemahan yang biasa ditinjau oleh Majlis Peperiksaan Malaysia untuk mata pelajaran Bahasa Melayu S.T.P.M. setiap tahun ialah aspek isi dan bahasa. Berikut adalah antara kelemahan yang diutarakan dalam *Laporan Peperiksaan S.T.P.M.* setiap tahun dari segi :

a. Isi

- i. *Idea utama yang dikemukakan tidak berkesan, terlalu panjang, slipi atau tidak relevan dengan tajuk.*
- ii. *Isi sampingan tidak mencukupi dari segi jumlah.*
- iii. *Isi yang dikemukakan tidak menunjukkan kematangan dan keluasan pengetahuan yang mendalam tentang isu yang dibincangkan.*
- iv. *Tidak menguasai kemahiran memperkembangkan Isi dengan kemas dan berkesan.*
- v. *Binaan wacana longgar dan kehilangan fokus kerana dua atau tiga Isi dimuatkan ke dalam satu perenggan.*

b. Bahasa

- i. Kesalahan struktur ayat, seperti ayat-ayat yang strukturnya tidak kemas, terlalu panjang dan ayat tergantung.**
- ii. Ayat menunjukkan pengaruh bahasa asing, bahasa ibunda dan bahasa lisan tidak formal.**
- iii. Kesalahan binaan ayat pasif bagi orang ketiga.**
- iv. Kesalahan ejaan dan tanda baca.**
- v. Kesalahan pemilihan perkataan dan istilah; kesalahan penggunaan imbuhan, kata pemerl, kata tunjuk dan kata hubung.**

Memandangkan keputusan penulisan calon S.T.P.M. begitu rendah mutunya dan kepentingan aspek karangan yang menyumbangkan separuh (50%) daripada markah keseluruhan bagi kertas Bahasa Melayu II peringkat S.T.P.M., maka pengkaji ingin mengkaji tahap kebolehan pelajar tingkatan enam rendah dalam menghasilkan karangan, khususnya karangan jenis perbincangan. Pengkaji memilih bentuk penulisan karangan untuk kajian ini kerana memikirkan bentuk tulisan ini lebih praktikal dan dapat menggambarkan tahap kebolehan pelajar dari segi penyampaian isi yang ada dengan menggunakan bahasa yang gramatis. Pemilihan soalan karangan jenis perbincangan pula adalah kerana karangan jenis ini merupakan jenis karangan yang paling kerap dikemukakan di dalam kertas Bahasa Melayu II peringkat S.T.P.M. tahun demi tahun. Dalam peperiksaan kertas Bahasa Melayu II peringkat S.T.P.M., terdapat sekurang-kurangnya satu soalan karangan jenis

perbincangan akan dikemukakan setiap tahun. Di samping itu, pengkaji juga meninjau tahap kebolehan pelajar tingkatan enam rendah dalam menghasilkan karangan jenis perbincangan dari dua aspek utama, iaitu isi dan bahasa yang merupakan kriteria utama dalam peperiksaan Bahasa Melayu II peringkat S.T.P.M. Kedua-dua kriteria ini merupakan pengukur yang penting dalam menentukan tahap kebolehan pelajar dalam menghasilkan karangan jenis perbincangan.

1.3 PENTINGNYA KAJIAN

Menyedari hakikat ketidakmampuan pelajar dalam aspek penulisan, maka kajian ini diusahakan untuk meninjau tahap kebolehan pelajar di tingkatan enam rendah dalam menghasilkan karangan jenis perbincangan. Kajian ini penting kerana pengkaji berharap ia akan dapat membantu meningkatkan mutu penulisan karangan jenis perbincangan pelajar dengan memahami tahap kebolehan pelajar, masalah penulisan yang dihadapi dan juga punca-punca yang menyebabkan timbulnya masalah penulisan. Moga-moga kajian ini dapat memberikan maklumat tentang tahap kebolehan pelajar yang sebenar agar dapat membantu pihak perancang dan guru mencari jalan penyelesaian untuk meningkatkan mutu penulisan karangan pelajar.

1.4 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang tahap kebolehan pelajar tingkatan enam rendah dalam menghasilkan karangan jenis perbincangan. Di samping itu, pengkaji juga ingin memahami jenis masalah dan punca masalah yang dihadapi oleh pelajar tingkatan enam rendah dalam penulisan karangan jenis perbincangan.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk memperoleh jawapan kepada soalan kajian berikut :

1. Apakah tahap kebolehan pelajar tingkatan enam rendah dalam penulisan karangan jenis perbincangan :
 - a. secara keseluruhan ?
 - b. dari segi penyampaian isi ?
 - c. dari segi penguasaan bahasa ?

- 2a. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara Kumpulan Pelajar Melayu (KPM) dengan Kumpulan Pelajar Bukan Melayu (KPBM) dalam kebolehan menulis karangan jenis perbincangan secara keseluruhan ?
- 2b. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara Kumpulan Pelajar Melayu (KPM) dengan Kumpulan Pelajar Bukan Melayu (KPBM) dari segi penyampaian isi karangan jenis perbincangan?
- 2c. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara Kumpulan Pelajar Melayu (KPM) dengan Kumpulan Pelajar Bukan Melayu (KPBM) dari segi penguasaan bahasa karangan jenis perbincangan ?
3. Apakah jenis-jenis masalah yang dihadapi oleh pelajar tingkatan enam rendah dalam penulisan karangan jenis perbincangan ?
4. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan pelajar tingkatan enam rendah menghadapi masalah dalam penulisan karangan jenis perbincangan ?

1.6 BATASAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai batasan-batasan tertentu kerana ia melibatkan penilaian tahap kebolehan pelajar dalam penulisan karangan jenis perbincangan yang berdasarkan pada sebuah karangan yang dihasilkan dalam masa yang terhad, iaitu selama 80 minit.

Selain itu, saiz sampel yang kecil, iaitu seramai 40 orang pelajar tingkatan enam rendah dari sebuah sekolah sahaja, iaitu Sekolah Tinggi Melaka juga boleh mempengaruhi kesignifikanan statistik hasil kajian yang diperolehi. Perkara ini sukar dielak memandangkan hasil karangan setiap pelajar yang terlibat akan dinilai oleh empat orang pemeriksa yang berlainan dengan menggunakan dua jenis skim pemarkahan yang berlainan, iaitu Skim Pemarkahan Tanggapan Menyeluruh dan Skim Pemarkahan Secara Analisis. Jika saiz sampel terlalu besar, ia akan membebankan pemeriksa dari segi masa. Ini kerana pemeriksa akan menghadapi masalah kesuntukan masa untuk menyelesaikan kerja pemarkahan karangan di samping kesibukan beban kerja sekolah.

1.7 ISTILAH-ISTILAH PENTING

Beberapa istilah penting yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut :

Pelajar Tingkatan Enam Rendah

Pelajar tingkatan enam rendah yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pelajar yang sedang mengikuti pendidikan formal pada peringkat sekolah menengah atas. Mereka telah mengikuti pendidikan formal selama 11 hingga 12 tahun melalui bahasa pengantar Bahasa Melayu, iaitu enam tahun di sekolah rendah dan antara lima hingga enam tahun di sekolah menengah. Pelajar-pelajar ini terdiri daripada mereka yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 19 tahun. Kesemua pelajar ini kini sedang menuntut di Sekolah Tinggi Melaka dan diwajibkan untuk mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu untuk peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (S.T.P.M.) pada tahun 1995.

Pelajar Yang Lemah

Pelajar yang lemah merupakan pelajar tingkatan enam rendah yang digolongkan di dalam kategori kurang berkebolehan dan tidak berkebolehan, iaitu golongan pelajar yang hanya berupaya mendapat Gred D atau Gred E dalam ujian karangan jenis perbincangan yang diberikan dalam kajian ini.

Kebolehan

Kebolehan dalam Bahasa Inggeris ialah *ability*. (Kamus Inggeris Melayu Dewan, 1992) **Kebolehan** didefinisikan sebagai kemahiran yang dimiliki oleh seseorang yang membolehkannya melakukan sesuatu tugas. (Terjemahan daripada *Collins Cobuild English Language Dictionary*, 1993 untuk makna kata *ability*) Oleh itu, tahap kebolehan dalam kajian ini merupakan tahap kemahiran menulis yang dimiliki oleh pelajar tingkatan enam rendah dalam menghasilkan sebuah karangan jenis perbincangan yang baik. Tahap kebolehan dalam penulisan karangan jenis perbincangan ini telah ditinjau dari segi :

- a. tahap kebolehan pelajar secara keseluruhan,
- b. tahap kebolehan pelajar dari segi penyampaian isi,
- c. tahap kebolehan pelajar dari segi penguasaan bahasa.

a. Tahap kebolehan pelajar secara keseluruhan

Tahap kebolehan seseorang pelajar tingkatan enam rendah dalam menghasilkan karangan jenis perbincangan secara keseluruhan ditentukan melalui markah purata (min) yang diperolehnya dalam ujian menulis karangan yang dinilai berdasarkan dua skim pemarkahan, iaitu Skim Pemarkahan Secara Tanggapan Menyeluruh dan Skim Pemarkahan Secara Analisis. Melalui markah dan gred yang diperolehi, pelajar-pelajar tingkatan enam rendah digolongkan ke dalam salah satu daripada lima tahap kebolehan, iaitu sama ada dalam tahap berkebolehan cemerlang, berkebolehan baik,

berkebolehan sederhana, kurang berkebolehan ataupun tidak berkebolehan dalam menghasilkan karangan jenis perbincangan, seperti yang ditunjukkan dengan lebih terperinci dalam Jadual 1.1 berikut :

Jadual 1.1 : Tahap Kebolehan Pelajar Secara Keseluruhan

TAHAP KEBOLEHAN	GRED	MARKAH
Berkebolehan cemerlang	A	81 - 100
Berkebolehan baik	B	61 - 80
Berkebolehan sederhana	C	41 - 60
Kurang Berkebolehan	D	21 - 40
Tidak Berkebolehan	E	00 - 20

b. Tahap kebolehan pelajar dari segi penyampaian isi

Tahap kebolehan pelajar dari segi penyampaian isi pula meninjau kebolehan pelajar dari dua segi, iaitu mengemukakan isi-isi yang relevan dengan topik karangan (**aspek kerelevanan isi**) dan menyusun isi-isi karangan dalam bentuk yang bersepadu dan utuh (**aspek penyusunan isi**). Kebolehan pelajar dari segi penyampaian isi ditentukan melalui markah purata (min) yang didapati dengan menjumlahkan markah dalam **aspek kerelevanan isi** (maksimum = 30 markah) dan **penyusunan isi** (maksimum = 20 markah). Markah purata (maksimum = 50 markah) untuk kedua-dua aspek kerelevanan isi dan penyusunan isi ini adalah berdasarkan markah yang diberikan oleh dua orang pemeriksa yang menggunakan Skim Pemarkahan Secara Analisis. Justeru itu, berdasarkan pencapaian markah purata

pelajar dalam kedua-dua aspek kerelevanan isi dan penyusunan isi, pelajar digolongkan ke dalam lima tahap kebolehan penyampaian isi, iaitu berkebolehan cemerlang, berkebolehan baik, berkebolehan sederhana, kurang berkebolehan atau tidak berkebolehan, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.2 berikut :

Jadual 1.2 : Tahap Kebolehan Pelajar Dari Segi Penyampaian Isi

TAHAP KEBOLEHAN	GRED	MARKAH (<i>Kerelevanan Isi + Penyusunan Isi</i>)
Berkebolehan Cemerlang	A	41 - 50
Berkebolehan baik	B	31 - 40
Berkebolehan sederhana	C	21 - 30
Kurang Berkebolehan	D	11 - 20
Tidak Berkebolehan	E	00 - 10

c. Tahap kebolehan pelajar dari segi penguasaan bahasa

Tahap kebolehan pelajar dari segi penguasaan bahasa pula merangkumi kebolehan pelajar dari tiga aspek, iaitu ketepatan penggunaan tatabahasa yang gramatis dan berkesan (**aspek struktur dan gaya**), pemilihan kata yang tepat dan sesuai dengan konteks penggunaan (**aspek kosa kata**), serta penggunaan ejaan dan tanda baca yang betul (**aspek mekanis**). Kebolehan pelajar dari segi penguasaan bahasa adalah berdasarkan markah purata yang diperolehi oleh pelajar dalam ketiga-tiga aspek, iaitu **aspek struktur dan gaya (maksimum = 30 markah)**, **kosa kata (maksimum = 10 markah)**, dan **mekanis**

(maksimum = 10 markah). Markah purata untuk ketiga-tiga aspek (maksimum = 50 markah) didapati daripada markah dua orang pemeriksa yang menggunakan Skim Pemarkahan Secara Analisis. Pelajar kemudiannya digolongkan ke dalam lima tahap kebolehan penguasaan bahasa, iaitu berkebolehan cemerlang, berkebolehan baik, berkebolehan sederhana, kurang berkebolehan dan tidak berkebolehan berdasarkan pencapaian gred dan markah yang diperolehi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.3 berikut :

Jadual 1.3 : Tahap Kebolehan Pelajar Dari Segi Penguasaan Bahasa

TAHAP KEBOLEHAN	GREED	MARKAH (<i>Struktur & Gaya + Kosa Kata + Mekanis</i>)
Berkebolehan Cemerlang	A	41 - 50
Berkebolehan Baik	B	31 - 40
Berkebolehan Sederhana	C	21 - 30
Kurang Berkebolehan	D	11 - 20
Tidak Berkebolehan	E	00 - 10

Karangan

Mengikut Raminah dan Rahim (1985 : 200), karangan ialah pengaliran perasaan dan fikiran secara bertulis (berdasarkan tajuk yang diberikan oleh guru) dalam jumlah perkataan yang terhad dan masa yang telah ditetapkan oleh guru. Kata karangan dalam Bahasa Malaysia boleh dikaitkan dengan kata 'composition' dalam Bahasa Inggeris. *Collins Cobuild English Language Dictionary (1993)* pula mendefinisikan 'composition' sebagai " a piece of

pelajar perlu mengeluarkan hujah-hujah yang munasabah, bernas dan disampaikan dengan gaya yang kemas dan bersesuaian.

Selain ciri yang telah dinyatakan, karangan jenis perbincangan di dalam kajian ini juga berkehendakkan pelajar membincangkan persoalan yang dikemukakan. Ia memerlukan pelajar menyatakan pendiriannya sama ada bersetuju atau tidak bersetuju dengan kenyataan dalam soalan karangan yang diberikan dengan mengemukakan idea-idea yang matang dan bernas dan disokong dengan hujah-hujah yang konkrit. Akhirnya, idea-idea hendaklah disampaikan dengan menggunakan bahasa Melayu secara berkesan. Ekoran itu, aspek isi dan bahasa diberikan penekanan yang sama penting dalam kajian ini untuk menentukan tahap kebolehan pelajar dalam menulis karangan jenis perbincangan mengikut Gred A, B, C, D dan E.

Penilaian Karangan

Karangan dalam kajian yang dijalankan ini dinilai dengan menggunakan dua kaedah pemarkahan, iaitu **Kaedah Pemarkahan Secara Tanggapan Menyeluruh (*Global / Holistic*)** dan **Kaedah Pemarkahan Secara Analisis (Perincian / *Analytical*)**.

Kaedah Pemarkahan Secara Tanggapan Menyeluruh menilai karangan dari segi kualiti keseluruhannya secara tanggapan atau impresi sahaja. Secara am, karangan pelajar dibaca dan dinilai kualiti keseluruhannya. Setelah itu, tahap kualiti yang dicapai ditetapkan berdasarkan tahap pencapaian pelajar, iaitu sama ada pada tahap cemerlang, baik, sederhana, lemah atau sangat

lemah. Kajian ini menggunakan skim pemarkahan secara tanggapan menyeluruh yang dicadangkan oleh Abdul Aziz (1989 : 384 - 385) dengan sedikit pengubahsuaian. Berdasarkan skim ini, kualiti keseluruhan karangan akan digredkan mengikut lima gred, iaitu gred A (*Cemerlang*), gred B (*Baik*), gred C (*Sederhana*), gred D (*Lemah*) dan gred E (*Sangat Lemah*). Kriteria utama karangan yang ditetapkan berasaskan skala 5-mata dapat dilihat dalam Jadual 1.4.

Selanjutnya, Kaedah Pemarkahan Secara Analisis pula menilai kualiti karangan dengan memberikan tumpuan kepada aspek isi dari segi kerelevanan isi dan penyusunan isi; dan aspek bahasa dari segi struktur dan gaya, kosa kata dan aspek mekanis. Ini bermaksud karangan tersebut dibaca dan diberi gred berasaskan skala 5-mata, iaitu Cemerlang, Baik, Sederhana, Lemah dan Sangat Lemah untuk setiap aspek yang diberikan tumpuan. Kajian ini menggunakan skim pemarkahan secara analisis yang dicadangkan oleh Abdul Aziz (1993 : 289-291) dengan sedikit pengubahsuaian dan kriteria untuk setiap aspek yang diberikan tumpuan adalah seperti dalam Jadual 1.5.

Jadual 1.4 : Skim Pemarkahan Secara Tanggapan Menyeluruh

GREJ	MARKAH	KRITERIA
A (Cemerlang)	81 - 100	Karangan menepati tajuk. Bahasanya sangat baik, lancar dan berkesan. Tidak ada atau hampir tidak ada kesalahan bahasa. Struktur dan perbendaharaan kata beragam dan luas. Isinya tepat dan tersusun secara sistematik dan jelas. Isi utama tepat dan jelas. Isi sokongan merupakan fakta dan statistik yang kukuh. Perenggan dan aspek mekanik digunakan dengan betul. Keseluruhan persembahan karangan berkesan dan menarik. Pendapatnya matang.
B (Baik)	61 - 80	Karangan berkaitan dengan tajuk. Bahasanya baik. Struktur ayat dan perbendaharaan kata memuaskan. Isinya cukup dan pengolahannya amat menarik. Isi sokongan kurang bersifat fakta tetapi meyakinkan. Kesepaduan karangan memuaskan. Kemahiran mekanik memuaskan.
C (Sederhana)	41 - 60	Karangan masih berkaitan dengan tajuk. Terdapat kesilapan kecil tatabahasa. Struktur ayat dan perbendaharaan kata agak terhad dan mudah. Isinya hanya mencukupi dan pengolahannya agak sederhana sahaja. Isi sokongan lebih merupakan huraian dan pendapat sendiri. Terdapat kesilapan ejaan.
D (Lemah)	21 - 40	Kurang pemahaman tentang tajuk karangan. Terdapat kelemahan bahasa : tatabahasa dan perbendaharaan kata. Isinya kurang mencukupi. Isi utama samar dan kurang jelas. Isi sokongan kurang menyokong isi utama dan lebih merupakan alasan dan pendapat sendiri yang kurang matang. Pengolahan dan penyusunannya kurang kemas dan tidak memperlihatkan kesatuan isi yang memuaskan.
E (Sangat Lemah)	00 - 20	Kurang pemahaman tentang tajuk atau terpesong langsung. Penggunaan bahasa secara keseluruhan amat tidak berkesan. Kesalahan tatabahasa yang teruk. Perbendaharaan kata amat terbatas. Isinya tidak mencukupi dan isi sokongan tidak berkaitan dengan isi utama. Pengolahan dan penyusunan sangat lemah. Keseluruhan karangan tidak menarik dan susah hendak ditatapi dan difahami.

(Sumber :- Abdul Aziz, 1989. Pengajaran & Pengujian Bahasa : Perspektif untuk Perguruan, hlm. 384-386)

Jadual 1.5 : Skim Pemarkahan Secara Analisis

Ba	KRITERIA	Markah
1	<u>Kerelevanan Isi</u> Isi berkait dengan tajuk. Hujah dirumus dengan lancar dan berkesan. Isi utama tepat dan jelas. Isi sokongan merupakan fakta dan statistik yang kukuh. Kesimpulan yang meyakinkan. <i>(Markah maksimum = 30)</i> <u>Kunci :</u> 25 - 30 Cemerlang 19 - 24 Baik 13 - 18 Sederhana 07 - 12 Lemah 00 - 06 Sangat Lemah	/ 30
2	<u>Penyusunan Isi</u> Perkembangan tema atau cerita yang logik, sistematik, jelas dan berkaitan. Kesatuan antara idea utama dengan idea sokongan. Karangan mengikut bentuk binaan karangan yang terdiri daripada bahagian pendahuluan, isi dan penutup. Isi disusun secara sistematik. Kesepaduan karangan dari segi jalinan idea, ayat dan perenggan. <i>(Markah maksimum = 20)</i> <u>Kunci :</u> 17 - 20 Cemerlang 13 - 16 Baik 09 - 12 Sederhana 05 - 08 Lemah 00 - 04 Sangat Lemah	/ 20
3	<u>Struktur dan Gaya</u> Ketepatan tatabahasa, kompleksiti ayat, keragaman struktur dan keberkesanan bahasa. <i>(Markah maksimum = 30)</i> <u>Kunci :</u> 25 - 30 Cemerlang 19 - 24 Baik 13 - 18 Sederhana 07 - 12 Lemah 00 - 06 Sangat Lemah	/ 30

Jadual 1.5 : Skim Pemarkahan Secara Analisis (Sambungan)

Bil	KRITERIA	Markah
4	<u>Kosa Kata</u> Pemilihan kata yang tepat, beraneka dan luas. (Markah maksimum = 10) <u>Kunci :</u> 09 - 10 Cemerlang 07 - 08 Baik 05 - 06 Sederhana 03 - 04 Lemah 00 - 02 Sangat Lemah	/ 10
5	<u>Mekanis</u> Ejaan, tanda baca, perenggan, penggunaan huruf besar dan kecil, kebolehbacaan tulisan tangan. (Markah maksimum = 10) <u>Kunci :</u> 09 - 10 Cemerlang 07 - 08 Baik 05 - 06 Sederhana 03 - 04 Lemah 00 - 02 Sangat Lemah	/ 10
	JUMLAH MARKAH KESELURUHAN	100

(Sumber :- Abdul Aziz, 1993. Menguji Kemahiran Bahasa : Prinsip, Teknik dan Contoh, hlm. 283 - 285)